



SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19


NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

19 Rabiulakhir 1444 / 14 November 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan sedikit peningkatan di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 611 kes sehari, berbanding dengan 554 kes sehari pada minggu sebelumnya. Sebanyak 48,491 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 8.7% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.




Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **satu kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sehingga kelmarin, 13 November 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.7%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **11.1%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **612 kes baru** telah dilaporkan iaitu 608 kes hasil ujian ART dan 4 kes adalah hasil dari 143 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Sementara itu, walaupun trend kes *Influenza* dan jangkitan serupa *Influenza* (*Influenza-like Illness, ILI*) pada minggu lalu telah menurun namun kadar jangkitan masih di atas paras normal. Orang ramai adalah diingatkan untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak. Segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk. Dapatkan suntikan *Influenza*, khususnya bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan.



Tren *ILI* dari minggu 1 hingga minggu 45

4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta’ala juga. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2
Tarikh : 19 Rabiulakhir 1444H / 14 November 2022